

KONSEP MA'SUM PARA ANBIYA'

MUQODDIMAH:

DEFINISI 'ISMAH:

Bahasa: Mengikuti penggunaan orang 'Arab bermaksud; *menegah, menahan, sentiasa bersama dan menjaga.*

Menegah: Orang 'Arab berkata "عصمه الطعام" maksudnya: Makanan telah menghalangnya daripada lapar.

Menahan: Orang 'Arab berkata "اعتصمت فلانا" maksudnya: Saya telah menyediakan kepadanya sesuatu yang boleh dia buat berlindung.

Sentiasa bersama: Orang 'Arab berkata "أعصم الرجل بصاحبه" maksudnya: Lelaki itu sentiasa bersama temannya.

Menjaga: Orang 'Arab berkata "عصمته فانعصم" maksudnya: Saya telah menjaganya maka di telah terjaga dari sebarang bahaya. Dalam satu hadith Nabi saw telah berkata: أيها الناس انصرفوا فقد عصمني الله maksudnya: *Wahai orang ramai, pulanglah kamu kerana Allah swt telah menjaga aku.*

Istilah: Para ulama' telah mengemukakan beberapa definisi 'ismah yang sedikit berbeza tapi pada asasnya mempunyai banyak persamaan. Dalam ruangan ini saya hanya mengemukakan pandangan Hafiz Ibnu Hajr dalam Fath al-Barinya, dalam mendefinisikan 'ismah mengikut istilah; Allah swt telah menjaga para anbiya' dari segala kekurangan, mengkhususkan dirinya dengan sifat yang mulia, memberi pertolongan, keteguhan hati dalam menghadapi sebarang ujian dan dugaan dan Allah swt menurunkan sakinah kepada mereka.

Dalam ta'rifnya Ibnu Hajr lebih menekankan kepada ciri-ciri yang menjadi hakikat kepada 'ismah. Setiap nabi dan rasul pasti diistimewakan oleh Allah swt dengan ciri-ciri yang disebutkan dalam ta'rif tersebut. Kesemua ciri-ciri yang terkandung dalam ta'rif menjadi faktor yang menimbulkan keyakinan dan terjaganya agama yang dibawa oleh para anbiya'.

Ada pandangan lain yang menyebutkan; 'ismah adalah ciri khusus yang sangat istimewa yang ada dalam diri seseorang, yang mana dengan ciri-ciri tersebut menjadi faktor penghalang kepada perlakuan dosa.

Ada juga yang berpandangan; 'ismah adalah menafikan daya ma'sum (Orang yang ada 'ismah) untuk melakukan ma'siat dan dengan penafian itu maka dia tidak mampu melakukan ma'siat.

Ada juga yang berpandangan ; 'ismah adalah Allah swt menjadikan seseorang hanya ada kekuatan untuk melakukan keta'atan sahaja dan tidak ada kekuatan untuk melakukan ma'siat.

Kesemua ta'rifan yang diberikan terdapat sedikit perbezaan dan hampir sama maksudnya. Persamaan yang dimaksudkan dalam ta'rifan-ta'rifan tersebut adalah الجبر iaitu terpaksa dan terarah, yang memberikan pemahaman bahawa para anbiya' telah dijaga oleh Allah swt sehingga mereka tidak akan tersalah melakukan apa-apa yang dikira sebagai melanggar perintah Allah swt¹.

Ada juga ulama' yang menfa'rifkan 'ismah dengan erti *Allah swt tidak menjadikan pada mereka dosa (ذنب)*. Kalimah *zanb* merangkumi dosa kecil atau besar, lupa atau tersalah. Sedangkan ittifaq ulama' boleh berlaku kepada para anbiya' terlupa atau tersalah kecuali kalangan syi'ah yang menyatakan secara total bahawa para imam mereka tidak mungkin

¹ Kenyataan ini tidak menafikan ada terlupa dan tersalah yang tidak dikira sebagai melanggar hukum agama.

melakukan kesalahan samaada kecil atau besar hatta tidak akan berlaku tersalah dan terlupa. Khomeini pernah berkata “ والأئمة الذين لا تتصور السهو والغفلة ” maksudnya: *Para imam adalah kalangan yang kita tidak boleh gambarkan mereka ada lupa dan lalai.*²

‘ISMAH PARA NABI MENGIKUT PANDANGAN AHLISSUNNAH WALJAMA’AH

Para ilmuan Islam telah membahagikan ‘ismatulanbiya’ kepada dua bahagian iaitu ‘ismah sebelum menjadi nabi dan ‘ismah selepas menjadi nabi.

Bahagian pertama: ‘Ismah sebelum menjadi nabi. Bahagian ini dibahagikan kepada dua; **1)** ‘Ismah daripada kufur, **2)** ‘Ismah dari dosa.

Bahagian kedua: ‘Ismah selepas menjadi nabi. Bahagian ini dibahagikan kepada empat bahagian; **1)** ‘Ismah daripada kufur, syirik dan syak, **2)** ‘Ismah dengan erti sangat amanah dalam penyampaian ajaran agama, **3)** ‘Ismah daripada melakukan dosa dan ianya terbahagi kepada dua iaitu dosa besar dan kecil, **4)** Perkara-perkara yang tidak menafikan ‘Ismah.

‘ISMAH SEBELUM KENABIAN

Ada dua bahagian: **1)** ‘Ismah daripada kufur dan **2)** ‘Ismah daripada dosa.

‘Ismah Daripada Kufur:

Dalil Nabi saw terpelihara daripada kufur dan amalan-amalan kufur; **1)** Hadith Anas bin Malik dalam sohih Muslim yang menyebutkan tentang peristiwa Syaqqussodri (شق الصدر) iaitu belah dada Nabi saw oleh Malaikat Jibril a.s ketika Baginda saw berada di persada Bani Sa’ad. Tujuan Allah swt melakukan perkara ini adalah untuk membuang **حظ الشيطان** yang digambarkan sebagai punca syaitan menggoda manusia

² Al-Hukūmah al-Islāmiyyah, m/s:113.

untuk melakukan ma'siat kepada Allah swt. Satu pemahaman yang jelas daripada pembersihan punca gangguan syaitan dalam peristiwa ini adalah merupakan salah satu *irhāshōt* (إرهاصات)³ yang menjadi muqoddimah kepada 'ismah dan perbuatan kufur yang menjadi darah daging masyarakat pada ketika itu. 2) Riwayat Zaid bin Harithah yang mana beliau menyebutkan tentang satu berhala yang diperbuat daripada tembaga yang dikenali dengan nama Isāf atau Nāilah. Kalangan musyrikun akan menggosok atau menyentuh berhala ini ketika mereka mentawafnya. Rasulullah dan aku telah mengelilingi berhala berkenaan. Apabila aku sampai di hadapan berhala berkenaan maka aku menyentuhnya sebagai hormat sebagaimana menjadi kebiasaan masyarakat musyrikun lakukan. Rasulullah saw telah melarang aku berbuat demikian. Kami meneruskan tawaf dan aku berkata dalam hati ku; aku akan sentuhnya dan lihat apa reaskinya (Berhala berkenaan). Aku menyentuhnya lalu Rasulullah saw berkata kepada ku: Adakah dia (Berhala berkenaan) menghalang engkau?⁴

Syaikhul Islam Ibnu Taimiyyah telah berkata: Maklumat yang dinukilkan bahawa Nabi saw, sebelum kenabian, telah membenci pemyembahan berhala tetapi tidak melarang masyarakat dengan secara terbuka. Namun melarang secara khusus kepada individu tertentu..... kemudian Ibnu Taimiyyah telah mengemukakan hadith Zaid bin Harithah.⁵

Ibnu Battoh telah membantah dengan keras sesiapa yang mendakwa Nabi saw mengikut agama kaumnya, dengan berkata: Sesiapa yang mendakwa bahawa Muhammad telah mengikut agama kaumnya sebelum beliau dilantik menjadi nabi maka itu adalah satu pendustaan keatas Rasulullah

³ Peristiwa yang luar biasa yang berlaku kepada anbiya' sebelum mereka dirasmikan sebagai nabi atau rasul.

⁴ Attobarani dalam Mu'jam Kabir jld: 5, m/s:88, al-Baihaqi dalam Dalāil Annubuwwah, jld: 2, m/s: 24, al-Hakim, jld: 3, m/s: 216-217.

⁵ Tafsir Ayāt Usykiatl oleh Ibnu Taimiyyah jld: 1/213.

saw dan tidak boleh dibuat bicara dengannya dan tidak boleh bersama dengannya dalam satu majlis.⁶

Ulama' dari kalangan ASWJ berbeza pandangan tentang keberadaan para anbiya' selain Nabi saw, adakah mereka ma'sum daripada kekufuran sebelum mereka menjadi nabi. Kata Ibnu Taimiyyah: Ramai dari kalangan ulama' ASWJ mengatakan bahawa para nabi ma'sum daripada kufur sebelum mereka diangkat menjadi nabi. Ini adalah pandangan Ibnu al-Anbari, Azzujjaj, Ibnu 'Atiyyah, Ibnu al-Jauzi, al-Baghawi dan lain-lain. Bahkan imam al-Baghawi berkata: Ulama' usul berpegang dengan pandangan bahawa para nabi adalah mu'min sebelum mereka mendapat wahyu. Nabi saw menyembah Allah swt sebelum wahyu dengan mengikuti ajaran Nabi Ibrahim a.s walaupun pada waktu itu belum jelas syari'at-syari'at agamanya.⁷ Isu ini menjadi perbincangan di kalangan ulama' dan ada pro dan kontra berkaitannya.

Secara ringkas, antara punca khilaf ulama' dalam isu ini adalah dalam mentafsirkan ayat 74 hingga 81 dari surah al-An'am.

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ أَرَزَرَأْتَتَّخِذُ أَصْنَامًا آلِهَةً إِنِّي أَرَاكَ وَقَوْمَكَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ (74) وَكَذَلِكَ نُرِي إِبْرَاهِيمَ مَلَكُوتَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلِيَكُونَ مِنَ الْمُوقِنِينَ (75) فَلَمَّا جَنَّ عَلَيْهِ اللَّيْلُ رَأَى كَوْكَبًا قَالَ هَذَا رَبِّي فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَا أُحِبُّ الْآفِلِينَ (76) فَلَمَّا رَأَى الْقَمَرَ بَازِعًا قَالَ هَذَا رَبِّي فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَيْسَ لَمْ يَهْدِنِي رَبِّي لَأَكُونَنَّ مِنَ الْقَوْمِ الضَّالِّينَ (77) فَلَمَّا رَأَى الشَّمْسَ بَازِعَةً قَالَ هَذَا رَبِّي هَذَا أَكْبَرُ فَلَمَّا أَفَلَتْ قَالَ يَا قَوْمِ إِنِّي بَرِيءٌ مِمَّا تُشْرِكُونَ (78) إِنِّي وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ (79) وَحَاجَّهُ قَوْمُهُ قَالَ أَتُحَاجُّونِي فِي اللَّهِ وَقَدْ هَدَانِ وَلَا أَخَافُ مَا تُشْرِكُونَ بِهِ إِلَّا أَن يَشَاءَ رَبِّي شَيْئًا وَسِعَ رَبِّي كُلَّ شَيْءٍ عِلْمًا أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ (80) وَكَيْفَ أَخَافُ مَا أَشْرَكْتُمْ وَلَا تَخَافُونَ أَنَّكُمْ أَشْرَكْتُمْ بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ عَلَيْكُمْ سُلْطَانًا فَأَيُّ الْفَرِيقَيْنِ أَحَقُّ بِالْأَمْنِ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ (81)

⁶ Assyarh walibanah Libni Battah, m/s: 245. Maktabah al-Faisoliyyah Makkah al-Mukarramah.

⁷ Tafsir al-Baghawi, 7/201.

Maksudnya: [6:71] *Katakanlah: Patutkah kita menyeru serta menyembah yang lain dari Allah, sesuatu yang tidak dapat memberi manfaat kepada kita dan tidak dapat mendatangkan mudarat kepada kita dan (patutkah) kita dikembalikan undur ke belakang (menjadi kafir musyrik) setelah kita diberi hidayat petunjuk oleh Allah (dengan agama Islam), seperti orang yang telah disesatkan oleh Syaitan-syaitan di bumi (di tempat yang lengang) dalam keadaan bingung, sedang dia pula mempunyai sahabat-sahabat yang mengajaknya ke jalan yang lurus (dengan berkata kepadanya): Marilah bersama-sama kami. Katakanlah: Sesungguhnya petunjuk Allah itulah sebenar-benar petunjuk dan kita diperintahkan supaya berserah diri kepada Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.*

[6:72] *Dan (diperintahkan): Hendaklah kamu mengerjakan sembahyang dan bertakwa kepadaNya dan Dialah Tuhan yang kepadaNya kamu akan dihimpunkan (pada hari akhirat kelak).*

[6:73] *Dan Dialah yang menciptakan langit dan bumi dengan (tujuan) yang benar dan (Dialah juga) pada masa (hendak menjadikan sesuatu) berfirman: Jadilah, lalu terjadilah ia. FirmanNya itu adalah benar dan bagiNyalah kuasa pemerintahan pada hari ditiupkan sangkakala. Dia yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata dan Dialah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha mendalam pengetahuanNya.*

[6:74] *Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berkata kepada bapanya Aazar: Patutkah ayah menjadikan berhala-berhala sebagai tuhan-tuhan? Sesungguhnya aku melihatmu dan kaummu dalam kesesatan yang nyata.*

[6:75] *Dan demikianlah Kami perlihatkan kepada Nabi Ibrahim kebesaran dan kekuasaan (Kami) di langit dan di bumi dan supaya*

menjadilah dia dari orang-orang yang percaya dengan sepenuh-penuh yakin.

[6:76] *Maka ketika dia berada pada waktu malam yang gelap, dia melihat sebuah bintang (bersinar-sinar), lalu dia berkata: Inikah Tuhanku? Kemudian apabila bintang itu terbenam, dia berkata pula: Aku tidak suka kepada yang terbenam hilang.*

[6:77] *Kemudian apabila dilihatnya bulan terbit (menyinarkan cahayanya), dia berkata: Inikah Tuhanku? Maka setelah bulan itu terbenam, berkatalah dia: Demi sesungguhnya, jika aku tidak diberikan petunjuk oleh Tuhanku, nescaya menjadilah aku dari kaum yang sesat.*

[6:78] *Kemudian apabila dia melihat matahari sedang terbit (menyinarkan cahayanya), berkatalah dia: Inikah Tuhanku? Ini lebih besar. Setelah matahari terbenam, dia berkata pula: Wahai kaumku! Sesungguhnya aku berlepas diri (bersih) dari apa yang kamu sekutukan (Allah dengannya).*

[6:79] *Sesungguhnya aku hadapkan muka dan diriku kepada Allah yang menciptakan langit dan bumi, sedang aku tetap di atas dasar tauhid dan bukanlah aku dari orang-orang yang menyekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain).*

[6:80] *Dan dia dibantah oleh kaumnya, dia pun berkata: Patutkah kamu membantahku mengenai Allah, padahal sesungguhnya Dia telah memberi hidayat petunjuk kepadaku? Dan aku pula tidak takut (akan sebarang bahaya dari) apa yang kamu sekutukan dengan Allah, kecuali Tuhanku menghendaki sesuatu dari bahaya itu. (Sesungguhnya) pengetahuan Tuhanku meliputi tiap-tiap sesuatu, tidakkah kamu mahu (insaf) mengambil pelajaran?*

[6:81]

Dan bagaimanakah aku hendak takutkan apa yang kamu sekutukan dengan Allah itu (yang tidak dapat mendatangkan sesuatu bahaya), padahal kamu tidak takut bahawa kamu telah sekutukan Allah dengan sesuatu yang Allah tidak menurunkan sebarang keterangan kepada kamu mengenainya? Maka yang manakah di antara dua puak itu yang lebih berhak mendapat keamanan (dari bahaya), jika betul kamu mengetahui?

‘Ismah Daripada Dosa-Dosa (الذنوب):

Ibnu Taimiyyah telah menyebutkan bahawa Ashabul Hadith dan Ahlul Sunnah berbeza pandangan tentang berlaku dosa kepada anbiya’ sebelum kenabian. Justeru, bagi kalangan yang berpendapat berlaku dosa dari mereka sebelum diangkat menjadi nabi maka bukan perkara yang pelik untuk berlaku perbuatan dosa dari mereka.

Ibnu Taimiyyah juga menyebutkan bahawa tidak ada pada nubuwwah dalil yang memestikan mereka tidak tersalah sebelum menjadi nabi. Adapun hujjah-hujjah ‘aqliyyah yang diketengahkan oleh kalangan yang berpendapat para anbiya’ ma’sum secara mutlaq sebelum menjadi nabi adalah sangat lemah. Antara hujjah mereka:

1) Perbuatan dosa menafikan sempurna sebaliknya ia menunjukkan kekurangan walaupun pelakunya bertaubat.

Jawapan: Pelaku dosa yang dianggap kurang dan hina adalah mereka yang tidak bertaubat dan berkekalan melakukan dosa. Taubat nasuha yang diterima oleh Allah swt menjadi penyebab diangkat orang yang bertaubat kepada kedudukan yang mulia berbanding kedudukan sebelumnya. Ada dari kalangan ulama’ salaf yang menyatakan bahawa Nabi Daud a.s yang bertaubat lebih baik kedudukannya dari sebelum tersalah.

Ramai kalangan ulama' yang membicarakan tentang sirah sahabat menyebutkan kesalahan yang dilakukan oleh sesetengah sahabat menjadi faktor kenaikan derajat mereka sehingga ada disabdakan oleh Nabi saw sebagai ahli syurga. Misalnya kes Imraah Ghamidiyyah yang berzina muhsan kemudian bertaubat dan beliau dihukum rejam sampai mati. Nabi mneyebutkan nilai taubatnya sangat tinggi sehingga boleh menampung ummat pada ketika itu.

Allah swt berfirman: *إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُنْتَهِرِينَ* maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang tobat dan menyukai orang-orang yang menyucikan diri (2:22).*

Ayat-ayat seumpama ini memberika kefahaman kepada kita bahawa kekurangan sebelum tidak menafikan kelebihan kemudian.

2) Berlaku dosa kepada anbiya' sebelum mereka menjadi nabi akan menjejaskan proses dakwah dan akan menimbulkan keraguan terhadap ajaran yang mereka bawa.

Jawapan: Jawapan untuk kemusykilan kedua adalah lebih kurang sama dengan jawapan yang pertama. Dalam realiti kehidupan kita sekarang, jika ada orang yang pernah bergelumang dengan dosa kemudian beliau bertaubat dan berlaku perubahan positif dalam hidup mereka maka mereka akan disanjung dan sejarah silam mereka dilupakan bahkan mereka dikagumi. Manusia terbanyak menyedari dan amat faham bahawa untuk berubah kepada kebaikan adalah sukar dan memerlukan kepada kekuatan. Suatu perkara yang perlu kita semua faham bahawa perbincangan tentang ada berlaku dosa daripada anbiya' atau tidak ada ianya bukan bermaksud banyak dosa bahkan jauh sekali dengan maksud bergelumang dengan dosa tetapi ianya hanya dari sudut berlaku atau tidak dosa daripada mereka.

Para sahabat Nabi saw, jika ditelusuri sejarah hidup mereka bukan semua lunak dan baik dan bukan tidak pernah melakukan kesalahan dan dosa bahkan sebahagian mereka pernah berperang melawan Rasulullah saw dalam beberapa siri peperangan. Namun akhirnya mereka memeluk islam dan dinobatkan sebagai generasi terbaik ummat ini (Al-‘Imran: 110)⁸ dan mendapat maqom ridha dari sisi Allah swt (Taubah: 100)⁹.

Para sahabat lebih mulia dan lebih afdhal dari anak-anak mereka yang lahir dalam islam berbanding mereka yang sebahagiannya pernah melalui zaman musyrik dan zaman jahiliyyah yang penuh dengan kejahatan kebatilan.

Kita sedia maklum bahawa orang yang hidup di zaman sebelum islam iaitu zaman jahiliyyah tidak dianggap tercela dan kurang semata-mata mereka mengikuti agama semasa itu dengan menghiasi diri dengan sifat benar dan amanah dan tidak melakukan perbuatan yang fitrah manusia menganggapnya keji dan terkutuk. Mereka tidak diazab dengan kesilapan yang mereka lakukan pada waktu itu hatta kufur kepada Allah swt kerana belum ada utusan Tuhan yang membimbing mereka kepada jalan Allah swt. Allah swt berfirman “وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا” maksudnya: dan tidaklah kami mengazab mana-mana manusia sehingga kami mengutuskan rasul (Isra’: 15).

‘ISMAH SELEPAS MENJADI NABI

Dibahagikan kepada empat bahagian;

1) ‘Ismah daripada kufur, syirik dan syak.

⁸ كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
⁹ وَالسَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا
عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

- 2) 'Ismah dengan erti sangat amanah dalam penyampaian ajaran agama.
- 3) 'Ismah daripada melakukan dosa dan ianya terbahagi kepada dua iaitu dosa besar dan kecil.
- 4) Perkara-perkara yang tidak menafikan 'Ismah.
- 1) 'Ismah Daripada Kufur, Syirik Dan Syak.

Para salaf ijma' bahawa para ambiya' ma'sum dari dosa kufur dan syirik selepas menjadi nubuwwah. Allah swt berfirman: “*وَاسْأَلْ مَنْ أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رُسُلِنَا أَجَعَلْنَا مِنْ دُونِ الرَّحْمَنِ آلِهَةً يُعْبَدُونَ*” maksudnya: *Dan bertanyalah kepada umat mana-mana Rasul yang Kami telah utuskan sebelummu; pernahkah Kami memberi hukum menetapkan sebarang tuhan untuk disembah, selain dari Allah Yang Maha Pemurah (Azzukhruf: 45), “وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ*” maksudnya: *Dan Kami tidak mengutus sebelummu (wahai Muhammad) seseorang Rasul pun melainkan Kami wahyukan kepadanya: Bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Aku, oleh itu beribadatlah kamu kepadaKu (Al-Ambiya': 25).*

Justifikasi dari kata-kata ijma' dalam perkara ini memungkinkan akan terjejas 'aqidah sekiranya ada yang ingkar dengan mengatakan para ambiya' boleh melakukan perbuatan yang menyebabkan kufur dan syirik selepas nubuwwah.

Tidak ada yang ingkar kesepakatan ini kecuali kalangan yang tidak diambil kira pandangan mereka seperti syiah dan sebahagian mu'tazilah. Kalangan syi'ah mengharuskan berlaku kufur dengan nyata kepada ambiya' dengan maksud *taqiyyah* (Perbincangan tentang kelompok ini akan menyusul). Satu aliran mu'tazilah iaitu al-Fadhilah mengharuskan berlaku kufur kepada ambiya'. Fahaman yang lazim kepada kelompok mereka, pelaku dosa besar akan menjadi kafir dan apabila mereka

mengatakan para ambiya' melakukan dosa-dosa besar maka dengan ini mereka telah mengharuskan berlaku kufur kepada para ambiya'.

2) 'Ismah Dengan Erti Sangat Amanah Dalam Penyampaian Ajaran Agama.

Ahlu Assunnah Waljamã'ah beri'tiqod bahawa para ambiya' ma'sum dalam apa yang mereka sampaikan dari sisi Allah swt. Ianya dengan maksud mereka tidak sekali-kali berdusta atas nama Allah swt dan mereka sekali-kali tidak mengada-ngadakan maklumat agama yang tidak diperintahkan oleh untuk menyampaikannya. Inilah maksud *tabligh arrisalah* (تبليغ الرسالة) yang menjadi salah satu usul kenabian.

'Ismah dalam tabligh thabit berdasarkan kepada dalil syar'ie, 'aqlie dan ijma'. Allah swt berfirman: “ **وَلَوْ تَقَوَّلَ عَلَيْنَا بَعْضَ الْأَقَاوِيلِ (44) لَأَخَذْنَا مِنْهُ بِالْيَمِينِ (45) ثُمَّ لَقَطَعْنَا مِنْهُ الْوَتِينَ (46) فَمَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ عَنْهُ حَاجِزِينَ (47)**” maksudnya: *Dan kalaulah (Nabi Muhammad yang menyampaikan Al-Quran itu) mengatakan atas nama Kami secara dusta - sebarang kata-kata rekaan, - [69:45] Sudah tentu Kami akan menyentapnya, dengan kekuasaan Kami, - [69:46] Kemudian sudah tentu Kami akan memutuskan tali jantungnya (supaya dia mati dengan serta-merta);*

3) 'Ismah Daripada Melakukan Dosa, Terbahagi Kepada Dua Iaitu Dosa Besar Dan Kecil.

Bahagian pertama: 'Ismah dari dosa-dosa besar.

Para ulama' salaf sepakat kema'suman ambiya' dari semua dosa-dosa besar. Ibnu Taimiyyah menyebutkan bahawa ini adalah pandangan kebanyakan ulama' Islam dan beliau menyebutkan: Sesungguhnya

pandangan yang mengatakan para nabi ma'sum dari melakukan dosa besar bukan dosa kecil adalah pandangan kebanyakan ulama' Islam